

Industri kena sokong usaha kurangkan pekerja asing

Oleh Noor Mohamad Shakil Hameed
bhrencana@bh.com.my



Timbalan Pengarah, Pusat Kokurikulum Dan Pembangunan Pelajar, Universiti Putra Malaysia

Cadangan kerajaan untuk mengurangkan jumlah pekerja asing di negara ini secara berkala dilihat satu langkah penting dan proaktif untuk membangunkan negara mengikut acuan sendiri menggunakan kepakaran serta tenaga kerja tempatan.

Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dilaporkan akan membincangkan mekanisme khusus bagi mengurangkan jumlah pekerja asing di negara ini yang mana Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) dibentang tahun depan akan meletakkan sasaran mengurangkan pekerja asing secara lebih drastik dan ketara, khususnya mereka yang tidak berkemahiran.

Kewujudan 3.5 juta pekerja asing, sama ada memiliki dokumen atau sebaliknya mula mewujudkan satu kumpulan menawarkan struktur kos buruh lebih rendah, sekali gus memberikan cabaran besar kepada ekonomi negara dan pekerja tempatan.

Namun, persoalan utama ialah sejauh mana pihak industri sedia menerima perubahan ini serta yakin dengan kemampuan pekerja tempatan untuk menggantikan pekerja asing di pelbagai sektor ekonomi.

Ironinya ketika ini pihak industri sangat bergantung kepada pekerja asing atas alasan rakyat tempatan tidak dapat menampung keperluan pa-

saran buruh.

Pekerja tempatan dikatakan kurang berkemahiran berbanding pekerja asing, terutama dalam bidang teknikal dan teknologi terkini selain sekelompok lagi dilabel tidak berminat mencebur ke dalam pekerjaan berkemahiran khususnya dalam sektor 3D iaitu kotor, sukar dan bahaya. Akibatnya majikan lebih selesa menggajikan pekerja asing.

Hakikatnya, lebih 60 peratus daripada peluang pekerjaan dicipta di negara ini berpaksikan kepada pekerjaan separa mahir dan berkemahiran rendah menyebabkan Malaysia terpaksa bergantung kepada pekerja asing untuk mengisinya.

Satu fakta penting perlu difahami ialah pekerjaan separa mahir dan berkemahiran rendah lazimnya membabitkan sektor pertanian, perlombongan, pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan yang cukup sinonim dengan pekerja asing.

Di samping itu, peluang pekerjaan berkemahiran tinggi yang sangat terhad menyebabkan berlaku persaingan hebat antara pekerja asing dengan pekerja tempatan.

Natijahnya, ratusan ribu graduan dikeluarkan institusi pengajian tinggi (IPT) terpaksa bekerja di bawah kelayakan mereka. Fenomena graduan mempunyai ijazah dan diploma tetapi terpaksa bekerja dalam bidang atau jawatan tidak sepadan kelayakan mereka dilihat semakin membimbangkan.

Seiring dengan inisiatif kerajaan yang mula mengorak langkah agresif untuk mengurangkan jumlah pekerja asing, diharap pihak industri bersedia membuka ruang kepada pekerja tempatan

khususnya graduan mengisi kekosongan kerja terbabit. Pihak industri perlu mempertimbang dan menyokong langkah kerajaan bermatlamat mengurangkan pekerja asing ini.

Dalam hal ini rombakan struktur ekonomi negara dengan kerjasama pihak industri perlu mencipta lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dengan kadar gaji setimpal dengan kelayakan, pengalaman dan kemahiran pekerja tempatan.

Pada masa sama, pekerja tempatan juga perlu disiap sediakan dengan kemahiran secukupnya bagi mengambil alih peranan pekerja asing secara berfasa.

Misalnya, graduan kurang pengalaman maupun kemahiran teknikal diperlukan industri wajar diberi peluang mengikuti kursus kemahiran selain peluang menjalani latihan sambil bekerja bersama industri berkaitan.

Bagi pelajar lepasan sekolah tidak menyambung pengajian ke universiti wajar diberi galakkan mengikuti Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) supaya dapat memperoleh kemahiran diperlukan industri.

Kesimpulannya, pengurangan pekerja asing adalah satu langkah tepat dan perlu bergerak seiring dengan rombakan struktur ekonomi untuk mencipta lebih banyak pekerjaan berkemahiran tinggi, meningkatkan keyakinan industri dengan kemampuan pekerja tempatan serta langkah awal menjadikan pekerja tempatan lebih bersedia mengambil alih peranan pekerja asing.